

BEVARATE-N CREAM

Betamethasone-17-valerate/neomycin sulphate (0.1% w/w / 0.5% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Bevarate-N
2. Bagaimana Bevarate-N berfungsi
3. Sebelum mengguna Bevarate-N
4. Cara menggunakan Bevarate-N
5. Semasa menggunakan Bevarate-N
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Bevarate-N
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
- 10.Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Bevarate-N

Ia digunakan untuk merawat keradangan, kegatalan dan kemerahan kulit (termasuk kulit kepala, badan, tangan dan kaki), eczema (termasuk kanak-kanak dan orang dewasa), psoriasis (kulit merah, gatal dan bersisik), gigitan serangga, keradangan pada dubur atau genital akibat geseran lapisan kulit, dan keradangan kulit yang lain, di mana terdapat jangkitan bakteria.

Bagaimana Bevarate-N berfungsi

Ia mengandungi betamethasone 17 valerate, yang mempunyai sifat mengurangkan keradangan dan kegatalan. Ia disapu atas kulit untuk mengurangkan kemerahan dan kegatalan akibat daripada masalah kulit. Neomycin adalah sejenis antibiotik yang membunuh bakteria yang menyebabkan jangkitan.

Sebelum mengguna Bevarate-N

- Bila tidak boleh mengguna

- Jika ada alahan terhadap neomycin, betamethasone 17 valerate, steroid lain dan ramuan-ramuan lain keluaran.
- Ia tidak boleh diguna oleh wanita hamil dan ibu yang menyusukan anak, kecuali diarah oleh doktor.
- acne, rosacea (keradangan muka jangka panjang), perioral dermatitis (keradangan di sekitar mulut), bayi kurang daripada 2 tahun, jangkitan virus dan kegatalan di sekitar dubur dan genital.
- kerosakan kulit atau membrane telinga.

- Sebelum mula mengguna

Awas pabila menggunakan ubat ini berdekatan dengan mata atau muka kerana ia mungkin akan menyebabkan iritasi. Kesan menyeluruh pada badan mungkin berlaku jika disapu pada permukaan kulit luas, terutama apabila kulit pecah yang dibalut atau tidak dibalut. Penggunaan berjaga-jaga jika diguna untuk jangka panjang dan pada kanak-kanak, yang mungkin melibatkan kesan pertumbuhan.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Ubat untuk saraf dan otot – neomycin sulphate menambah dan memanjangkan kesan pada respiratori. Ubat ini adalah untuk kegunaan luar sahaja dan biasanya kurang mempunyai kesan ke atas ubat-ubat lain. Walaupun demikian, sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika sedang mengambil ubat-ubat lain.

Cara menggunakan Bevarate-N

- Berapa banyak harus diguna

Disapu pada bahagian berkenaan 2 – 3 kali sehari. Dos dikurangkan kepada sekali sehari atau kurang jika beransur pulih.

- Bila perlu diguna

Sila ikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

- Berapa lama perlu diguna

Jangka rawatan biasa kurang daripada 7 hari kecuali dengan arahan doktor. Untuk kanak-kanak, dihad kepada kurang daripada 5 hari. Perlu juga mengikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

- Jika terlupa mengguna

Guna sebaik sahaja teringat. Kemudian, guna seperti biasa.

- Jika menggunakan berlebihan (terlebih dos)

Jika terlebih dos, hubungi doktor, jabatan kecemasan atau pusat racun dengan segera.

Kesan terlebih dos jangka pendek jarang berlaku. Kesan jangka panjang atau penyalahgunaan, termasuk gejala-gejalan hypercorticism (termasuk tekanan darah tinggi, obesiti bahagian abdomen, tanda-tanda merah atau muka bengkak) mungkin berlaku. Jika berlaku, hentikan penggunaan steroid.

Semasa menggunakan Bevarate-N

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor ubat yang sedang diambil. Penggunaan jangka panjang harus dielakkan.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Elak penggunaan jangka panjang paa muka. Jangan berhenti mengambil ubat beberapa hari, Sambung sehingga jangka rawatan selesai.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Bilas dengan air jika krim termasuk ke dalam mata. Jikalau hamil atau menyusukan anak, elakkan penggunaan ubat kecuali atas arahan doktor.

Kesan-kesan sampingan

Kesan sampingan lebih nyata jika pembalut digunakan. Penggunaan jangka panjang menyebabkan muka bengkak, kulit mudah berlebam, jerawat, pertumbuhan rambut pada muka, keguguran rambut, sindrom Cushing (gejala-gejala penggunaan jangka panjang steroid termasuk tekanan darah tinggi, obesiti bahagian abdomen, tanda-tanda merah atau muka bengkak) mungkin berlaku. Tindak balas hipersensitiviti yang biasa berlaku dengan penggunaan setempat neomycin mungkin tidak jelas apabila digunakan bersama dengan steroid.

Sensitiviti silang dengan antibiotik lain mungkin berlaku.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web

npra.moh.gov.my (Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).

Cara penyimpanan dan pelupusan Bevarate-N

- Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah 30°C. Jauhkan dari cahaya. Jauhkan daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Dapatkan nasihat ahli farmasi cara pelupusan ubat yang tidak diperlukan.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Krim warna putih.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: betamethasone 17 valerate dan neomycin sulphate.
- Bahan tidak aktif: paraffin cair, cetomacrogol emulsifying wax, white soft paraffin, chlorocresol, citric acid, sodium citrate dan air.

- Nombor MAL:

MAL06061318AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.
1505, Lorong Perusahaan Utama 1
Taman Perindustrian Bukit Tengah
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

08/05/2017

Nombor siri

BPFK(R4/1)08052017/00096